

HARGA ZAKAT FITRAH NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN TAHUN 1422H BERSAMAAN 2001M

Keputusan :

1. Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor telah membuat keputusan bahawa bersetuju kadar bayaran zakat fitrah bagi Negeri Selangor Darul Ehsan sebanyak RM 4.20 seorang bagi tahun 1422H/2001M.

2. Keputusan ini adalah berdasarkan kepada hujah-hujah seperti berikut :
 - i. Penetapan harga tersebut adalah berdasarkan purata harga beras runcit, merangkumi semua gred beras di pasaran semasa, mengikut timbangan satu gantang Baghdad.
 - ii. Harga runcit semua gred beras telah naik dari tahun ke tahun.
 - iii. Walaupun beras merupakan harga kawalan namun harga beras di pasaran tidak semuanya sama dan dapat di kawal.
 - iv. Rata-rata pembeli masih mampu membeli beras-beras yang berkualiti yang mana harganya lebih mahal dan tinggi.

Sepertimana tahun-tahun sebelum ini, harga beras semakin meningkat sedikit demi sedikit. Bahagian Sistem Aplikasi dan Pengurusan Data Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) telah membuat kajian pasaran harga runcit beras tempatan dan import dan jadualnya seperti berikut :

PURATA HARGA BERAS TEMPATAN DAN IMPORT PADA MEI 2001 BAGI NEGERI SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN

BIL	JENIS BERAS TEMPATAN	HARGA PURATA
1	Super	RM 1.73
2	Wangi	RM 2.35
BIL	JENIS BERAS IMPORT	HARGA PURATA
1	Thai Super Special	RM 2.23
2	TWR 5%	RM 2.04
3	TWR 10%	RM 2.10
4	TWR 15%	RM 2.04
5	Basmathi Biasa	RM 3.55
6	Basmathi Special	RM 3.91

Sumber : Kajian Pasaran BERNAS

Pihak unit Penyelidikan dan Pembangunan, Jabatan Pembangunan Korporat, Pusat Zakat Selangor telah mendapati bahawa harga-harga beras runcit di 9 daerah di Negeri Selangor mengalami kenaikan harga yang lebih tinggi daripada harga BERNAS. Berikut adalah jadual yang menunjukkan purata harga beras runcit tersebut.

**PURATA HARGA BERAS TEMPATAN DAN IMPORT PADA MEI 2001
BAGI DAERAH-DAERAH DI NEGERI SELANGOR**

BIL	JENIS BERAS TEMPATAN	HARGA PURATA
1	Super	RM 1.75
2	Premium	RM 1.70
3	Wangi	RM 3.15
BIL	JENIS BERAS IMPORT	HARGA PURATA
1	Thai Super Special	RM 2.38
2	TWR 5%	RM 2.14
3	TWR 10%	RM 2.48
4	TWR 15%	RM 2.94
5	Basmathi Biasa	RM 3.60
6	Basmathi Special	RM 3.90

Sumber : Kajian Unit Penyelidikan dan pembangunan PZS

Berdasarkan jadual-jadual yang ditunjukkan dan kiraan yang dibuat, kadar harga fitrah sebanyak RM 3.70 bagi Negeri Selangor tidak wajar dikekalkan. Ini berlaku kerana harga beras secara umumnya meningkat dan kadar fitrah turut naik.

PENGIRAAN

Hasil daripada pengiraan yang dibuat, purata harga beras import bagi gred yang baik iaitu Gred 1 ialah RM 3.74 manakala purata harga beras import bagi beras Gred 2 ialah RM 2.29.

**JADUAL PENGIRAAN PURATA HARGA BERAS
IMPORT MENGIKUT JENIS**

HARGA BERAS IMPORT MENGIKUT JENIS	PURATA
GREED 1	
RM 3.60	<u>14.96</u>
RM 3.55	4
RM 3.90	
RM 3.91	RM 3.74

GRED 2	
RM 2.14	
RM 2.38	
RM 2.48	
RM 2.94	
RM 2.23	<u>18.35</u>
RM 2.04	8
RM 2.10	
RM 2.04	RM 2.29

Kadar harga fitrah mengambil kira **beras tempatan**. Purata harga beras Gred 1 ialah RM 3.08 sekilo manakala Gred 2 ialah RM 1.867 sekilo. Oleh yang demikian setelah didarabkan dengan timbangan 1 gantang Baghdad iaitu 3 kati 12 tahlil atau bersamaan 2.27 kilogram **maka kadar fitrah bagi beras Gred 1 ialah RM 6.99 manakala kadar bagi beras Gred 2 ialah RM 4.24.**

Oleh yang demikian Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara` (FATWA) Negeri Selangor tahun 1422H/2001M adalah berdasarkan harga purata beras **GRED 2 iaitu RM 4.20** (setelah digenapkan). Ini kerana di dapati beras ini merupakan **pilihan kebiasaan masyarakat di Negeri Selangor ini.**

JADUAL PENGIRAAN KADAR HARGA ZAKAT FITRAH NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 1422H/2001M

Harga Beras Mengikut Jenis	Purata	Harga Beras Mengikut Sukatan Fitrah (2.27 KG)	Purata
GRED 1 RM 3.74 RM 3.15 RM 2.35	$\frac{9.24}{3}$ RM 3.08	RM 3.08 x 2.27 = RM 6.99	RM 6.99
GRED 2 RM 2.29 RM 1.75 RM 1.70 RM 1.73	$\frac{7.47}{4}$ RM 1.867	RM 1.867 x 2.27 = RM 4.239	RM 4.24